

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR  
BILANGAN 2 TAHUN 2019**

=====

**PROGRAM PEMATUHAN SYARAT DAN PENGUATKUASAAN  
KILANG TANPA KEBENARAN DI NEGERI SELANGOR**

-----

**1. TUJUAN**

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi kerajaan yang terlibat mengenai keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) dalam Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor yang telah diluluskan oleh MMKN ke 24/2019 pada 21 Ogos 2019 yang telah disahkan pada MMKN ke 25/2019 pada 28 Ogos 2019.

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Tempoh pemakaian Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 6/2006 dan Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan 6/2009 (Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran di Negeri Selangor) telah tamat tempoh pada 31 Disember 2015.

2.2 Walau bagaimanapun, MMKN ke 24/2019 pada 21 Ogos 2019 yang telah disahkan pada MMKN ke 25/2019 pada 28

Ogos 2019 telah meluluskan dasar baru bagi kilang-kilang yang beroperasi tanpa kebenaran, iaitu Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor.

**3. KAEDAH PELAKSANAAN**

3.1 Kaedah pelaksanaan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor terdiri daripada dua (2) peringkat iaitu:

- (a) Tindakan penguatkuasaan; dan
- (b) Tempoh pemutihan dan penawaran insentif.

**3.2 (a) Tindakan Penguatkuasaan**

3.2.1 PTD dan PBT hendaklah mengambil tindakan terhadap pemilik berdaftar tanah dan pengusaha kilang tanpa kebenaran yang enggan menyertai Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor;

3.2.2 Semua pemilik berdaftar tanah dan pemilik kilang tanpa kebenaran, sama ada dalam/ luar zon perindustrian hendaklah di ambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan undang-undang yang sedang berkuat kuasa antaranya:

### 3.2.2.1 Tindakan PTD

- (a) Setelah berbangkit sesuatu pelanggaran syarat Pentadbir Tanah boleh selain dari mengambil tindakan di bawah seksyen 128 atau seksyen 129 Kanun Tanah Negara 1965 (KTN) mengeluarkan notis di dalam borang 7E (Notis Supaya Menunjukkan Sebab Mengenai Pengenaan Denda) di bawah Seksyen 127(1A)(a) KTN;
- (b) Seksyen 127(1A)(b) KTN memperuntukkan bahawa sekiranya pemilik berdaftar tanah gagal menunjuk sebab dengan memuaskan Pentadbir Tanah, maka Pentadbir Tanah boleh mengeluarkan perintah untuk bayaran denda tidak kurang dari Ringgit Malaysia Lima Ratus (RM 500.00) dan dalam pelanggaran syarat berterusan, suatu denda tambahan tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Satu Ratus (RM 100.00) bagi tiap-tiap hari dalam tempoh pelanggaran itu berterusan;
- (c) Sekiranya Pentadbir Tanah berpuas hati pelanggaran syarat nyata tanah

masih berlaku tindakan selanjutnya hendaklah diambil sehingga kepada perampasan tanah;

(d) Merujuk Seksyen 56 KTN memperuntukkan bahawa bagi tanah-tanah hakmilik yang diberi milik sebelum KTN 1965, Pentadbir Tanah hendaklah mengambil tindakan penguatkuasaan berdasarkan kepada kumpulan tanah seperti di bawah;

(i) Tanah dilulus dan diberimilik sebelum KTN (contoh Hakmilik Extract Of Mukim Register (EMR) dan tanah yang dilulus sebelum KTN tetapi diberimilik mengikut KTN (contoh *Approved Application* – AA); dan

(ii) Mana – mana tanah yang dilulus dan diberimilik sebelum KTN dan tanah yang dilulus sebelum KTN 1965 tetapi diberimilik mengikut KTN, di mana perlucutan hak perlu dibuat berdasarkan Seksyen 53(4) iaitu dengan bayaran pampasan yang dipersetujui oleh

jawatankuasa timbang tara  
mengikut Seksyen 434 KTN.

- (e) PTD, PBT dan Agensi yang terlibat hendaklah mengambil tindakan secara bersepadu ke atas kilang-kilang yang dibina di atas tanah kerajaan terutama di atas rizab sungai dan rizab jalan serta kawasan lapang.

#### **3.2.2.2 Tindakan PBT**

PBT perlu mengambil tindakan penguatkuasaan mengikut Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974 [Akta 133] serta Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

### **3.3 (b) Tempoh Pemutihan dan Penawaran Insentif**

#### **3.3.1 Tempoh Pemutihan Oleh Pemilik Berdaftar Tanah**

- (a) Pemilik berdaftar tanah hendaklah memulihkan tanah dengan cara:

- (i) Memulihkan tanah dengan mengembalikan keadaan tanah mengikut kategori tanah seperti dalam hakmilik; atau
  - (ii) Menukar syarat kegunaan tanah di bawah Seksyen 124(1)(a) dan (c), Seksyen 124A, Seksyen 197 dan Seksyen 76 KTN serta Seksyen 204 KTN.
- (b) Pemilik berdaftar tanah diberi tempoh selama satu (1) tahun untuk memulihkan tanah atau membuat permohonan menukar kategori tanah.
- (c) Selepas tempoh satu (1) tahun berakhir dan tanah masih belum dipulihkan PTD hendaklah mengeluarkan notis dalam borang 7B (Notis Supaya Menunjukkan Sebab) dan tindakan diteruskan sehingga kepada perampasan tanah.

### **3.3.2 Penawaran Insentif**

- (a) Pemilik berdaftar tanah dan pengusaha kilang akan mendapat insentif sekiranya membuat permohonan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Insentif bayaran premium atau premium tambahan untuk pemohon

membuat pilihan ke atas kaedah bayaran adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon akan diberikan potongan 30% jika bayaran premium tambahan atau premium dijelaskan dalam tempoh dua (2) bulan. Manakala potongan 20% akan diberikan kepada pemohon jika bayaran premium tambahan atau premium dijelaskan dalam tempoh empat (4) bulan dan potongan sebanyak 10% akan diberikan kepada pemohon jika bayaran premium tambahan atau premium dijelaskan dalam tempoh enam (6) bulan; atau
  
- (ii) Sekiranya pemilik berdaftar tanah tidak berkemampuan untuk membayar premium tambahan atau premium secara sekali bayaran, pemilik berdaftar tanah akan dikenakan bayaran nominal sebanyak 10% daripada jumlah premium atau premium tambahan yang telah diluluskan. Bagi pilihan ini, kaveat pendaftar hendaklah didaftarkan di dalam hakmilik bagi menghalang pemilik berdaftar tanah melakukan transaksi ke atas tanah tersebut. Ayat kaveat yang perlu ditulis di

dalam hakmilik adalah seperti berikut  
**“Pemilik berdaftar tanah hendaklah menjelaskan bayaran premium atau premium tambahan kepada Kerajaan Negeri sebelum apa-apa urusan pindah milik melalui kaedah jualbeli baru didaftarkan”**. [Nilaian yang dikenakan berdasarkan nilaian semasa (ketika pembayaran penuh) daripada Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH)]; atau

(iii) Bagi Tanah Rizab Melayu bayaran premium tambahan diberi potongan satu per lapan ( $1/8$ ) mengikut Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003.

(b) Premium khas tanah yang dikenakan di bawah Perkara 11 Kaedah Tanah Selangor 2003 **adalah dikecualikan.**

(c) Penggunaan Permit Khas Tanah dan Lesen Sementara:

(i) Bagi tanah-tanah yang berada **di luar zoning** yang telah ditetapkan oleh PBT. Pekeliling Pengarah Tanah Dan Galian Selangor Bilangan (PTGS Bil.) 2/2007



adalah terpakai bagi tempoh satu (1) tahun untuk memberi peluang kepada pemilik berdaftar tanah untuk **memulihkan tanahnya dan berpindah ke dalam zon perindustrian.**

- (ii) Kadar bayaran fi tahunan bagi permit khas tanah diselaraskan kepada RM3.00 semeter persegi bagi semua jenis industri.
  
- (d) Lesen perniagaan sementara yang dikeluarkan oleh PBT boleh dikeluarkan selama tempoh satu (1) tahun kepada pengusaha kilang di luar zoning perindustrian bagi memberi peluang pengusaha kilang berpindah ke dalam zoning perindustrian dengan kadar lesen sementara dinaikkan kepada lima (5) kali ganda daripada kadar sedia ada bagi tempoh setahun.
  
- (e) Bayaran caruman infrastruktur dan bayaran caj pemajuan:
  - (i) Bayaran caruman infrastruktur atau caj Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan (ISF) **dikenakan** berdasarkan jumlah yang ditetapkan oleh PBT atau Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor.

- (ii) Bayaran caj pemajuan yang dikenakan oleh PBT ke atas pemilik berdaftar tanah dan pengusaha kilang tanpa kebenaran adalah **dikenakan secara bayaran ansuran sehingga *Certificate Of Completion And Compliance (CCC)* dikeluarkan.**
  
- (f) Syarat Teknikal Minima PBT hanya digunakan terhadap permohonan tukar syarat tanah yang telah diluluskan seperti di **Lampiran A.**
  
- (g) PBT hendaklah menilai semula kilang-kilang yang berada di luar zoning perindustrian supaya kawasan tersebut boleh dizonkan sebagai kawasan perindustrian.
  
- (h) Sumbangan caruman parit oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Selangor adalah **dikenakan.**

#### **4. PENURUNAN KUASA**

- 4.1 Bagi mempercepatkan dan memudahkan proses permohonan tersebut, dicadangkan supaya kuasa bagi meluluskan permohonan di bawah Seksyen 124(1)(a) dan (c), Seksyen 124A, Seksyen 204, Seksyen 197 KTN dan

76 KTN termasuk kes-kes yang melibatkan tempoh pajakan tanah yang tidak melibatkan pemberimilikan tanah kerajaan diturunkan kepada Pentadbir Tanah Daerah, sekaligus mewujudkan jawatankuasa setempat tertakluk kepada kilang-kilang yang berada di dalam zon yang ditetapkan.

- 4.2 Jawatankuasa ini akan dikenali sebagai Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Daerah dan Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada:-

**Pengerusi:**

Pentadbir Tanah Daerah (Pejabat Tanah Daerah yang terlibat)

**Ahli-ahli:**

- a) Datuk Bandar/Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang terlibat.
- b) Wakil Pejabat Tanah Dan Galian Negeri Selangor (PTGNS).
- c) Timbalan Pengarah, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT), Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN).
- d) Ketua Penolong Pegawai Daerah yang terlibat.
- e) Jurutera Daerah Jabatan Kerja Raya (JKR).
- f) Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD).
- g) Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS)
- h) Jurutera Daerah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
- i) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS)

**Urusetia:**

Pejabat Tanah Daerah yang terlibat

4.3 Bagi kilang-kilang yang berada di luar zon yang ditetapkan termasuk kes-kes yang melibatkan tempoh pajakan tanah dan rayuan permohonan yang ditolak permohonan tersebut perlu dikemukakan untuk pertimbangan Jawatankuasa di peringkat Negeri Selangor dan seterusnya dikemukakan kepada Pentadbir Tanah Daerah untuk tindakan selanjutnya.

4.4 Ahli-ahli Jawatankuasa terdiri daripada:

**Pengerusi:**

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru

**Ahli-ahli:**

- a) Pengarah Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor (PTGS).
- b) Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT, UPEN).
- c) Pembantu Exco Kerajaan Negeri Selangor.
- d) Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD).
- e) Pengarah Lembaga Urus Air Negeri Selangor (LUAS).
- f) Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR).
- g) Pengarah Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Selangor (JPS).
- h) Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor (JAS).

- i) Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS).
- j) Pentadbir-Pentadbir Tanah Daerah (PTD).
- k) Datuk Bandar/Yang DiPertua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) – Jabatan Perancang, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kejuruteraan.
- l) Invest Selangor.

4.5 Jawatankuasa Khas Penyelesaian Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor ditubuhkan bagi menggantikan Jawatankuasa Tetap Penyelesaian Kilang Haram Negeri Selangor. Melalui keputusan MMKN ke 6/2019, PTGS dilantik sebagai urusetia. Bagi melancarkan aktiviti jawatankuasa ini SPBT, UPEN akan menjadi urusetia bersama PTGS.

4.6 Peranan dan tanggungjawab Jawatankuasa di peringkat Negeri;

4.6.1 Jawatankuasa ini bertanggungjawab mempertimbangkan permohonan-permohonan di bawah Seksyen 124A KTN, Seksyen 124(1)(a) dan (c) KTN dan Seksyen 204 KTN serta Seksyen 197 KTN dan 76 KTN termasuk kes-kes yang melibatkan tempoh pajakan bagi kilang-kilang tanpa kebenaran.

4.6.2 Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab mengkaji kesesuaian kilang-kilang yang berada dalam zon dan di luar zon yang ditetapkan oleh PBT serta

bertanggungjawab mengemukakan pandangan-pandangan atau cadangan baru kepada PBN bagi menambahbaik dasar sedia ada dari semasa ke semasa dengan menjalankan kajian di negeri-negeri atau negara lain.

- 4.6.3 Jawatankuasa ini bertanggungjawab memperakukan tindakan penguatkuasaan di atas tanah yang melibatkan bayaran pampasan sebelum dibawa kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri untuk pertimbangan (contoh tanah AA dan EMR) .
- 4.6.4 Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyemak dan menentukan kadar bayaran bagi permit khas tanah, lesen perniagaan sementara dan caruman infrastruktur serta lain-lain kadar bayaran yang patut dikenakan.
- 4.6.5 Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyelesaikan isu-isu berkaitan kilang-kilang tanpa kebenaran di atas tanah hakmilik dan tanah kerajaan.
- 4.6.6 Mengkaji dan menilai cadangan daripada PTD berkaitan kilang-kilang yang berada diluar zon perindustrian supaya supaya dizonkan sebagai kawasan perindustrian.

**5. TEMPOH PELAKSANAAN PROGRAM**

Tempoh pelaksanaan Program Pematuhan Syarat Dan Penguatkuasaan Kilang Tanpa Kebenaran Di Negeri Selangor adalah selama satu (1) tahun, bermula pada 1 Oktober 2019 dan tamat pada 30 September 2020.

**6. TARIKH BERKUAT KUASA**

Pekeliling ini berkuat kuasa serta merta.



**(DATO' HAJI ZUL-KEFLI @ ZULKEFLI BIN KHALID) D.P.M.S.,S.I.S**  
Pengarah Tanah dan Galian Selangor

Bertarikh: *20 September 2019.*

# **LAMPIRAN A**

## **SYARAT TEKNIKAL MINIMA PIHAK BERKUASA TEMPATAN DAN JABATAN-JABATAN TEKNIKAL**



**JABATAN PERANCANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

BIL.	PERKARA	PIAWAIAN PERANCANGAN <sup>1</sup>	SYARAT MINIMA
1.	Surau	Tempat wuduk berasingan 1.219m x 0.610m (4 kaki x 2 kaki)	Sedia ada di tapak
2.	Kawasan Plint	60%	Sedia ada di tapak
3.	Jalan Awam	66 kaki	RT / RKK / Pelan Induk / Pelan Susunatur
4.	Kilang tiada anjakan bangunan	Bahagian yang termasuk di dalam anjakan bangunan akan dirobuhkan atau didenda.	Dibenarkan dijadikan kilang berkembar atau teres dengan aktiviti yang bersesuaian
5.	Kantin	2 % daripada jumlah keluasan lantai binaan 0.5 % drp jumlah keluasan lantai binaan (gudang)	Sedia ada di tapak
6.	Anjakan Bangunan	Kilang Sesebuah/ Berkembar a. Menghadap jalan - 40 kaki b. Sempadan Bersama - 25 kaki c. Lorong Belakang (kilang teres seperti di tapak)	20 kaki 13 kaki 15 kaki
7.	Ketinggian Bangunan	Ketinggian Maksima bangunan - Plot ratio	Sedia ada di tapak
8.	Saiz Lot Kilang Teres	Minima 20 kaki x 80 kaki	Sedia ada di tapak
9.	Panjang Lot Teres	Maksima 320 kaki	Sedia ada di tapak
10.	Langkau Api	Minima 40 kaki	Tertakluk kepada sokongan BOMBA
11.	Dinding Pemisah	Tiada	Tertakluk kepada sokongan BOMBA
12.	Perimeter Planting	3 m (10 kaki)	Perlu disediakan 1 meter di hadapan tapak/kilang
13.	Permohonan Kebenaran Merancang (KM) Pelan Susunatur & Pelan Bangunan (Sokongan Jabatan Perancangan)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Permohonan KM perlu dikemukakan untuk kelulusan</li> <li>• Mendapatkan ulasan untuk pelan susunatur daripada Jabatan Teknikal: JKR, JPS, JPP</li> <li>• Permohonan pelan bangunan (PB) hanya boleh dikemukakan setelah KM diperolehi</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Ulasan JKR, JPS dan IWK boleh dikecualikan sekiranya pelan infrastruktur keseluruhan kawasan kilang tanpa kebenaran disediakan.</li> <li>• Permohonan KM boleh dikemukakan serentak dengan PB.</li> </ul>
14.	Tempat Letak Kenderaan		
	<u>Pengeluaran</u>	<u>Tempat Letak Kereta (TLK):</u> 1 unit untuk setiap 139.3 mp (1,500 kp) ruang lantai + 10 % daripada jumlah TLK untuk pelawat	Sedia ada di tapak

BIL.	PERKARA	PIAWAIAN PERANCANGAN <sup>1</sup>	SYARAT MINIMA
		<u>Tempat Letak Motosikal (TLM):</u> 1 unit untuk setiap 185.8 mp (2000 kp) atau 1 unit untuk setiap 4 orang pekerja	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Lori (TLL):</u> 1 unit untuk setiap 929.0 mp (10000 kp)	Sedia ada di tapak
	<b><u>Stor</u></b>	<u>Tempat Letak Kereta (TLK) :</u> 1 unit untuk setiap 232.2 mp (2,500 kp) ruang lantai + 10 % daripada jumlah TLK untuk pelawat	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Motosikal (TLM):</u> 1 unit untuk setiap 185.8 mp (2000 kp) atau 1 unit untuk setiap 4 orang pekerja	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Lori (TLL):</u> 1 unit untuk setiap 929.0 mp (10000 kp)	Sedia ada di tapak
	<b><u>Pejabat</u></b>	<u>Tempat Letak Kereta (TLK):</u> 1 unit untuk setiap 46.4 mp (500 kp) ruang lantai + 10 % daripada jumlah TLK untuk Pelawat	Sedia ada di tapak
		<u>Tempat Letak Motosikal (TLM):</u> 1 unit untuk setiap 185.8 mp (2000 kp) atau 1 unit untuk setiap 4 orang pekerja	Sedia ada di tapak

**Nota:**

<sup>1</sup> Garis Panduan dan Piawaian Perancangan Negeri Selangor, Edisi Kedua, Oktober 2010.

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

**JABATAN BANGUNAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
1.	Perincian Pelan Lantai	a. Menyediakan longkang dan apron sekeliling bangunan b. Kemasan dinding dari jenis ubin gerlis pada dapur hingga ke paras 5'0" dan pada tandas hendaklah sehingga ke paras siling c. Tembok penahan (jika ada) d. Telaga udara ( <i>airwell</i> )	Tertakluk kepada pelan kelulusan BOMBA
2.	Pelan tampak pandangan hadapan, belakang dan tepi	Kedudukan paip bolong (RWDP) hendaklah ditanam di bawah apron	
3.	Pelan Keratan membujur dan melintang	a. Palong ( <i>gutter</i> ) b. Tunjukkan kedudukan tangki air hendaklah di dalam kerangka bumbung	
4.	Pelan Bumbung	Menyediakan <i>gutter</i> (palong) pada setiap bumbung	
5.	Pelan-pelan perincian berikut perlu dikemukakan:	Penyimpanan sampah ( <i>Refuse Bin Chamber</i> ) i. Tempat pembuangan sampah (6 kaki x 6 kaki x 8 kaki min) ii. Kebuk sampah bagi kilang teres (600mm x 600mm x 900mm min)	Tong sampah yang bersesuaian diperlukan.
7.	Keperluan-keperluan tambahan untuk pembinaan	a. Ruang makan kantin hendaklah disediakan sekurang-kurangnya 4 buah basin basuh tangan (jika ada) b. Ruang ablution yang berasingan untuk lelaki dan wanita (jika ada) <ul style="list-style-type: none"> <li>• disediakan drop antara 'ablution' dan ruang sembahyang</li> <li>• disediakan 'step' dan 'scupper drain' pada ablution</li> <li>• ketinggian dinding tiles minima 7 kaki</li> </ul> c. Mengadakan 'litter bin' dengan nisbah 1:10 di tempat letak kereta dan 1:20	Sedia ada di tapak

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
		<p>di tempat letak motosikal</p> <p>d. Mengemukakan surat permohonan kelulusan ke Jabatan lanskap yang disahkan terima oleh Jabatan Lanskap atau kelulusan pelan senitaman dari Jabatan Lanskap.</p> <p>e. Mengemukakan surat pengesahan penggunaan 60% bahan-bahan tempatan</p>	
8.	Denda Pelan Bangunan		Dikenakan 10 x ganda bagi bangunan sediada dan 5 x ganda bagi kilang yang berada dalam kawasan anjakan

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

**JABATAN KEJURUTERAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
1.	<p><u>Keperluan Am</u></p> <p>i. Jenis pelan yang dikemukakan hendaklah seperti berikut:</p> <p>a. Pelan Kunci dan pelan lokasi terkini</p> <p>b. Pelan Tapak</p> <p>c. Pelan-pelan perincian</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jalan cadangan</li> <li>- Persimpangan keluar/masuk</li> <li>- Susur jalan dan paip erong</li> <li>- Pejalan kaki</li> <li>- Lurang penyelerasan</li> </ul>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Kekal</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
2.	<p>Salinan ulasan atau kelulusan bertulis daripada agensi-agensi berikut hendaklah dikemukakan:</p> <p>a. Jabatan Kerja Raya</p> <p>b. Jabatan Pengairan dan Saliran</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan sekiranya ada pelan induk</p> <p>Dikecualikan sekiranya ada pelan induk</p>
3.	<p><u>Keperluan Pelan Tapak:</u></p> <p>i. Pelan hendaklah diwarnakan seperti berikut:</p> <p>a. Susur jalan cadangan - hitam putus- putus</p> <p>b. Pejalan kaki cadangan - coklat</p> <p>ii. Perkara-perkara berikut hendaklah ditunjukkan:</p> <p>a. Kedudukan susur jalan dan parit erong</p> <p>b. Kedudukan lurang penyelerasan</p> <p>iii. Semua pemasangan utiliti hendaklah dibuat dalam tanah dan hendaklah dicatat dipelan</p> <p>iv. Susur jalan hendaklah dipasang di keseluruhan tepian jalan</p>	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
	<p>v. Lorong menirus (<i>taper lane</i>) hendaklah diadakan diselekeh persimpangan keluar/masuk dengan ukuran panjang seperti berikut:</p>		

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
	a. Pertemuan dengan simpanan jalan 30m dan 40m - 30m	Ada	Dikecualikan
	b. Pertemuan dengan simpanan jalan 12m, 15m dan 20m - 15m	Ada	Dikecualikan
	v. Ukuran lebar persimpangan keluar/ masuk hendaklah tidak melebihi 15m dan tiada kurang dari 10m	Ada	Dikecualikan
	vi. Pejalan kaki hendaklah diadakan ditepi persimpangan keluar/masuk dengan ukuran lebarnya mengikut lebar pejalan kaki sediada.	Ada	Dikecualikan
	vii. Kecerunan minima longkang cadangan hendaklah 1:200	Ada	Dikecualikan
	viii. Longkang cadangan hendaklah menggunakan parit konkrit bertetulang bergaris pusat 225mm minima	Ada	Dikecualikan
	ix. Takungan (sump) hendaklah diadakan di setiap pertemuan longkang	Ada	Dikecualikan
	x. Lurang penyelenggaraan hendaklah diadakan pada jarak longkang 15m	Ada	Dikecualikan
4.	<u>Perincian Jalan</u>		
	i. Jalan cadangan hendaklah menggunakan mana-mana jenis berikut:		
	a. Berturap	Ada	Kekal
	b. Interlocking pavement	Ada	Dikecualikan
	c. Slab konkrit bertetulang	Ada	Dikecualikan
	ii. Lapisan <i>wearing course premix</i> dan <i>binder course premix</i> hendaklah menggunakan jenis "a concrete"	Ada	Dikecualikan
	iii. Kecerunan permukaan jalan melintang hendaklah 1:40 kearah longkang	Ada	Dikecualikan
	iv. Susur jalan hendaklah menggunakan jenis ' <i>continuous kerb</i> '	Ada	Dikecualikan
	v. Lebar dan jenis pejalan kaki ditepi persimpang keluar/masuk	Ada	Dikecualikan

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA												
	hendaklah mengikut pejalan kaki sediaada														
	vi. Ketinggian susur jalan di atas permukaan jalan hendaklah 150mm	Ada	Dikecualikan												
	vii. Parit erong hendaklah menggunakan jenis paip bersilau bergaris pusat 225mm	Ada	Dikecualikan												
	viii. Penanda garisan dipermukaan jalan hendaklah menggunakan cat jenis thermoplastic	Ada	Dikecualikan												
5.	<p><u>Perincian Longkang</u></p> <p>i. Longkang hendaklah menggunakan jenis:</p> <p>a. paip konkrit bertetulang bergaris pusat 225mm minima</p> <p>ii. Bagi longkang jenis bersilau separuh bulatan:</p> <p>a. ukuran minima longkang hendaklah seperti berikut:</p> <table style="margin-left: 40px;"> <thead> <tr> <th>saiz (mm)</th> <th>lebar (mm)</th> <th>kedalaman (mm)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>225</td> <td>375</td> <td>300</td> </tr> <tr> <td>300</td> <td>450</td> <td>500</td> </tr> <tr> <td>450</td> <td>600</td> <td>1000</td> </tr> </tbody> </table> <p>b. Tembok longkang hendaklah menggunakan jenis konkrit bertetulang dan dibina tupang (<i>strut</i>) konkrit bertetulang berukuran 100mm x 100mm bagi kedalaman melebihi 1.5m</p> <p>c. Keseluruhan longkang hendaklah ditutup dengan slab konkrit bertetulang setebal 100mm</p> <p>d. Tembok berhadapan (<i>wing wall</i>) setinggi 300mm hendaklah diadakan di tepi lintasan di atas longkang awam.</p>	saiz (mm)	lebar (mm)	kedalaman (mm)	225	375	300	300	450	500	450	600	1000	<p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p> <p>Ada</p>	<p>Dikecualikan</p> <p>Kekal</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Rujuk JPS sekiranya pelan infrastruktur keseluruhan kawasan kilang tanpa kebenaran belum disediakan.</li> </ul> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p> <p>Dikecualikan</p>
saiz (mm)	lebar (mm)	kedalaman (mm)													
225	375	300													
300	450	500													
450	600	1000													

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
6.	<u>Perincian Pagar Sempadan</u> i. Ruang antara pagar sempadan hadapan dan longkang awam hendaklah dilepa konkrit setebal 75mm	Ada	Dikecualikan
7.	<u>Ulasan Tambahan</u> i. Pelan kerjatanah hendaklah mendapat kelulusan terlebih dahulu  ii. Pelan infrastruktur utama hendaklah mendapat kelulusan dahulu	Ada  Ada	Dikecualikan  Dikecualikan

Nota:

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.



**JABATAN TAMAN & REKREASI PIHAK BERKUASA TEMPATAN**

BIL.	PERKARA	SYARAT SEDIADA	SYARAT MINIMA
1.	Pengindahan Bangunan a. Depan b. Sisi Bangunan c. Belakang	Dilandskap Dilandskap Dilandskap	Dikecualikan
2.	Teduhan di Tempat Letak Kereta	Dilandskap	
3.	Keliling sempadan kilang	Dilandskap	
4.	Jalan masuk	Dilandskap	

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

**JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR  
(UNTUK KELULUSAN PERMOHONAN LESEN)**

**(SYOR RUJUK : BAHAGIAN KESELAMATAN DAN KUALITI MAKANAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI SELANGOR)**

SYARAT MINIMA
<b>I. PROGRAM JAMINAN KESELAMATAN MAKANAN (PJKM)</b>
a) Pihak kilang makanan sebelum menjalankan operasi pemprosesan makanan di kilang perlu memohon "Surat Sokongan Status Kesiediaan Pelaksanaan PJKM Untuk Pengeluaran Lesen Perniagaan Bagi Kilang Makanan" daripada Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri (Lampiran 1). Surat Sokongan yang dikeluarkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah atau Jabatan Kesihatan Negeri Selangor boleh diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bersama permohonan lesen perniagaan kilang makanan. Menyedia dan mengadakan PJKM adalah wajib kepada semua premis makanan yang terlibat dalam pengilangan makanan dibawah Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009, Akta Makanan 1983.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## JABATAN PENGAIRAN & SALIRAN (JPS) NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA
a) Keperluan rizab parit / rizab sungai
b) Semua sungai, parit atau kolam yang sedia ada dalam kawasan tidak boleh disekat /dilencong, dikambus atau diganggu dan sebarang kerja tanah atau menebus dalam kawasan tidak boleh dimulakan sehingga pelan saliran diluluskan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.
c) Pemohon bertanggungjawab bagi pembinaan sistem saliran dalam kawasan yang akan dimajukan struktur-struktur hidrolik dan saluran keluar darinya ke sungai atau saluran utama yang dipersetujui oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor, termasuk membina pembentung-pembentung dan lain-lain binaan yang diperlukan.
d) Sekiranya tiada saluran keluar dari tapak yang dipohon itu, pemohon mestilah mencadangkan saluran keluar ke sungai atau parit yang sedia ada dan pemohon bertanggungjawab meminta kebenaran bertulis dari tuan-tuan persendirian sekiranya saliran yang dicadangkan itu melalui tanah-tanah mereka.
e) Pemohon adalah dikehendaki membayar di Pejabat JPS Selangor sebanyak RM 10,000.00 seekar bagi kawasan bukan rezab melayu dan RM 5,000.00 bagi kawasan rezab melayu bagi tapak yang di pohon. Bayaran ini hendaklah dibuat dengan Bank Draf atas nama Pengarah Pengairan dan Saliran Selangor dan jelaskan yang ditetapkan.
f) Persetujuan dasar terhadap permohonan ini tidak bermaksud atau bererti kelulusan secara langsung atau pun pada dasarnya sebarang pelan pertapakan atau 'detail' projek yang telah dimajukan bersama permohonan ini.
g) Simpanan parit / sungai dan kolam takungan adalah diperlukan dan ditentukan semasa pemohon mengemukakan permohonan kelulusan susunatur / pertapakan.
h) Pengusaha tidak dibenarkan membina sebarang struktur di dalam rizab sungai. Walau bagaimanapun Jabatan ini tiada halangan sekiranya struktur yang dibina adalah struktur sementara.
i) Sebarang kegiatan membina struktur, binaan yang boleh menjejaskan aliran sungai serta kestabilan jajaran keratan saluran sungai serta tebingnya atau yang boleh mengakibatkan hakisan tanah atau kehilangan adalah tidak dibenarkan.
j) Pengusaha hendaklah bertanggungjawab melindungi tebing sungai (sekiranya ada) sebarang kerosakan akibat dari aktiviti-aktiviti dan pembinaan lain. Jika berlakunya kerosakan dan hakisan, adalah menjadi tanggungjawab pengusaha untuk segera membaiki dan mengawalinya (membina dan mengawalinya) (membina perlindungan – protection) dengan kos perbelanjaan sendiri.
k) Pengusaha hendaklah memastikan cadangan pembangunan ini tidak mengakibatkan pencemaran alam sekitar khususnya pencemaran air sungai.
l) Pengusaha bertanggungjawab menyelenggara kawasan tapak semasa beroperasi.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## JABATAN KERJA RAYA (JKR) NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA
a) Kilang yang telah didirikan hendaklah mempunyai hubungan jalan raya yang menghubungkan ke rangkaian jalanraya utama Negeri atau Persekutuan.
b) Jalan hubungan tersebut hendaklah mempunyai permukaan yang berturap dengan lebar minimumnya 6 m. Kelonggaran ini hanya dikhususkan bagi tujuan penyelesaian terhadap masalah Kilang-kilang Tanpa Kebenaran (KTK) sahaja.
c) Jalan hubungan tersebut hendaklah terbina di atas simpanan untuk laluan awam.
d) Garis sempadan kawasan kilang yang menghadap simpanan jalan hendaklah mempunyai ruang untuk dianjakan bagi keperluan menyediakan simpanan jalan kepada lebar minimum 20 m kelak.
e) Kilang-kilang yang didirikan di atas simpanan adalah tidak disokong untuk diberi kebenaran dan hendaklah di pindahkan.
f) Struktur jalanraya yang sedia ada di kawasan KTK tidak dapat menampung beban lalulintas perindustrian dan Pihak Berkuasa Negeri perlu menyediakan peruntukan khas untuk menaiktaraf jalan-jalan tersebut.
g) Jabatan Kerja Raya Selangor adalah tidak terikat untuk menaiktaraf mana-mana jalan yang sedia ada di kawasan KTK sekiranya diberi kebenaran.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA (JPBD) NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA
a) Memastikan penyediaan zon penampakan yang mencukupi.
b) Hanya kilang-kilang tanpa kebenaran yang telah dibanci (inventori) oleh Pihak Berkuasa Tempatan / PTD yang telah disahkan oleh Jawatankuasa Kilang-kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor sahaja yang boleh dipertimbangkan dengan syarat-syarat minima.
c) Perlu mematuhi zoning dan kelas kegunaan tanah yang diwartakan di dalam Rancangan Tempatan (RT).
d) Bagi kilang di luar zon gunatanah industry, pertimbangan boleh diberikan tertakluk kepada keadaan di tapak dan sokongan daripada PBT, JAS, JKR dan JPS. Sekiranya semua agensi berkaitan setuju, PBT perlu pinda RT. Dan kelulusan KM tempoh terhad boleh diberikan bag tempoh 3 tahun dikecualikan notis lot berjiran.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## JABATAN ALAM SEKITAR (JAS) NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA
1. Kedudukan Kilang Tanpa Kebenaran (KTK) hendaklah di dalam zon guna tanah kawasan industri selaras dengan Rancangan Tempatan Pihak Berkuasa Tempatan yang telah diwartakan.
2. KTK yang bersempadan dengan zon perumahan/institusi hanya untuk aktiviti-aktiviti pergudangan atau aktiviti-aktiviti kilang yang tidak menghasilkan pencemaran.
3. KTK beroperasi dengan mematuhi kehendak-kehendak kawalan pencemaran di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.
4. KTK hendaklah mematuhi garis panduan di dalam dokumen <i>Environmental Essentials For Siting of Industries In Malaysia, 2017</i> terbitan Jabatan Alam Sekitar.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## SYARIKAT AIR SELANGOR

SYARAT MINIMA
1. Mempunyai tangki simpanan yang memenuhi 1 hari permintaan air.
2. Saiz paip dan meter yang digunakan hendaklah wajar dengan kadar penggunaan air sehari
3. Kilang tanpa kebenaran yang dibangunkan didalam kawasan rezab SYABAS boleh dipertimbangkan kelulusannya dengan syarat:- <ul style="list-style-type: none"><li>• Kawasan rezab SYABAS hanya merupakan tempat letak kereta, kawasan lapang, kawasan simpanan barang ringan atau kawasannyang tidak didirikan bangunan.</li><li>• Sewaan menggunakan tanah rezab SYABAS akan dikenakan ke atas pemohon dan kadar sewaan akan ditentukan kelak.</li><li>• Pemohon disyaratkan menandatangani surat perjanjian menggunakan rezab SYABAS dimana sewaan ini bersifat sementara dan SYABAS mengambilalih tanah tersebut tanpa notis.</li></ul>
4. Mengemukakan 3 salinan 'as-built plan' untuk kerja-kerja paip dalaman untuk kelulusan rezab SYABAS dan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat kelulusan perancangan.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## SYARIKAT TENAGA NASIONAL BERHAD (TNB)

SYARAT MINIMA	
a)	Kilang-kilang tanpa kebenaran ini telah diberikan bekalan setelah semua keperluan dipenuhi seperti termaktub di dalam Peraturan /Panduan Bekalan Elektrik TNB.
b)	Seksyen 37, subseksyen 12 Cas Akta Bekalan Elektrik 1990 memperuntukkan bahawa tiada sebarang bentuk kerja atau aktiviti berhampiran dengan pemasangan elektrik TIDAK dibenarkan kecuali dengan kebenaran sah pihak berkuasa atau pemegang lesen.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## JABATAN PERKHIDMATAN PEMBENTUNGAN (JPP) NEGERI SELANGOR

SYARAT MINIMA	
a)	Kawasan Individual Septic Tank (IST) mestilah bebas daripada dijadikan tempat meletak atau pemunggahan barang.
b)	Kapasiti penggunaan IST mestilah tidak melebihi 30 PE dan bersamaan dengan aliran air kumbahan sebanyak 6750 liter.
c)	Menyediakan zon penampungan ( <i>Buffer Zone</i> ) yang mencukupi untuk memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan termasuklah menjalankan kerja-kerja pengosongan tangki ( <i>Desludging</i> ).
d)	Tanggungjawab penyelenggaraan IST adalah dibawah kendalian pemilik.
e)	Mematuhi syarat dan garis panduan yang telah ditetapkan iaitu " <i>Guidelines For Developers Volume III, IV &amp; V</i> " yang disediakan oleh JPP.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI SELANGOR

### SYARAT MINIMA

1. Mengadakan pili bomba yang mencukupi jenis bertiang pengeluaran dua hala.
  - Saiz paip pili bomba hendaklah bergarispusat tidak kurang 6"
  - Mengadakan 2 talian hos beserta 1 unit nozel bagi setiap pili bomba (jika berkenaan)
  - Jarak antara pili bomba hendaklah tidak melebihi 91 meter.

2. Mengadakan jalan akses perkakas bomba.

- Lebar bersih jalan hendaklah tidak kurang 6 meter
- Jalan hendaklah dapat menampung keberatan jentera bomba seberat 25 tan.
- Kadar jalan yang bersempadanan dengan bangunan seperti dibawah:

ISIPADU BANGUNAN	KADAR PERIMETER JALAN
7000 - 28 000 meter padu	Satu perempat
28 000 - 56 000 meter padu	Satu perempat
56 000 - 84 000 meter padu	Satu perdua
84 000 - 112 000 meter padu	Tiga perempat
112 000 meter padu ke atas	Tapak pulau

3. Jarak antara bangunan kilang hendaklah tidak kurang dari 6 meter.

4. Keperluan kebombaannya bagi bangunan adalah bergantung kepada rekabentuk bangunan dan akan dikaji secara individu.

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

## POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)

### SYARAT MINIMA

- a. Perlu mematuhi peruntukan seperti yang terkandung di dalam 'Akta Peniaga Sekendhend 1946' (Akta 189).

**Nota:**

<sup>2</sup> Syarat minima berdasarkan Garis Panduan Penyeragaman Pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Tanpa Kebenaran Negeri Selangor 2006.

**LEMBAGA URUS AIR SELANGOR (LUAS)**

PERKARA	SYARAT MINIMA
<p>a. Rizab Sungai</p>	<p>Pembangunan yang melibatkan sungai haruslah mengekalkan ciri-ciri fizikalnya iaitu tidak dilencongkan, dijajarkan, dialihkan, dicecilkan, dikambus dan dikonkrit. Konsep "Pembangunan Mengikut Fizikal Sungai" perlu dilaksanakan diperingkat perancangan selaras dengan Strategi Pengurusan Sungai Negeri Selangor Selaras Enakmen LUAS 1999 yang diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 30 Mei 2012.</p>
	<p>Sekiranya terdapat pembinaan struktur kilang yang baru, pihak pengusaha dikehendaki memohon kebenaran bertulis daripada Pengarah LUAS sebelum menjalankan aktiviti pembangunan dalam jarak 50 meter dari tebing Sungai Klang selaras dengan peruntukan perundangan Seksyen 43(1) dan Seksyen 70(1), Enakmen LUAS 1999 dan Peraturan-Peraturan Aktiviti Pengubahan Sumber (Selangor) 2013.</p>
	<p>Pihak Pengusaha tidak dibenarkan untuk membina sebarang struktur di dalam sungai. Jika struktur tersebut merupakan struktur sementara, pihak pengusaha perlu melaporkan kepada pihak Lembaga.</p>
	<p>Sebarang pembinaan struktur yang menghalang aliran hidraulik sungai adalah tidak dibenarkan.</p>
	<p>Pihak pengusaha juga digalakkan merekabentuk tebing sungai supaya lebih mesra alam seperti mengekalkan riparian plant yang tindakan sebagai pengukuhan tebing atau pembinaan penahan tebing yang menggalakkan pertumbuhan rumput dan seumpamanya.</p>
	<p>Pihak pengusaha juga adalah bertanggungjawab terhadap penyelenggaraan sistem saliran didalam kawasan premis masing-masing dan kualiti terhadap pelepasan efluen.</p>
<p>b. Abstraksi Air</p>	<p>Sekiranya pihak pengusaha mengebstrak air bumi atau air permukaan (sungai, tasik dan kolam), pihak pengusaha perlu memohon Lesen Abstraksi Air daripada Lembaga.</p>
	<p>Pendaftaran sebanyak RM 150.00 akan dikenakan sekali sahaja dan yuran lesen sebanyak RM 200.00 setiap tahun. Caj sebanyak RM 0.05 permeter padu akan dikenakan berdasarkan jumlah air yang diabstrak.</p>
<p>c. Pelepasan Efluen</p>	<p>Pihak pengusaha perlu memastikan efluen yang dilepaskan ke sungai adalah tidak mencemarkan sungai tersebut terutamanya kepada aktiviti yang berjadual di bawah Peraturan – Peraturan Pelepasan Bahan Pencemaran Negeri Selangor 2012.</p>